

MAJLIS TAHLIL KELUARGA

Bendahara Seri Wak Raja

Tun Ali ibni Tun Qorish

(Pahang, mangkat 1857)

***“Ziarah Silaturrahim Klg &
Kerabat Bendahara Pahang”***

Anjuran:



Majlis Tahlil Keluarga BSR Tun Ali bin Tun Qorish “Ziarah Silaturrahim Klg & Kerabat Bendahara Pahang”

1.0 PENGENALAN

Bendahara Tun Ali ibni Tun Qorish merupakan bendahara bagi Kesultanan Johor Lama di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah III (1761-1812), Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah I (1818-1832), Sultan Muhammad Shah (1832-1841) dan Sultan Mahmud Muzaffar Shah (1841-1863) yang tapak pemerintahannya di waktu itu adalah di Lingga. Tun Ali juga merupakan pemerintah otonomi bagi kerajaan Raja Bendahara di Pahang apabila mendapat tanah kurnia daripada Sultan Mahmud Shah sekitar akhir abad ke 18 Masihi.

Zaman pentadbiran Bendahara Seri Wak Raja Tun Ali pada awalnya menyaksikan kemakmuran Kesultanan Johor Lama dan Pahang, namun disebabkan berlakunya ketegangan keluarga bendahara dengan bangsawan Bugis di Tanah Besar Johor, belakangan wujud campurtangan kuasa British dan Belanda, maka secara berperingkat keadaan menjadi tidak keruan dan berbagai musibah politik istana telah berlaku.

Atas latar belakang inilah, bermulanya era ketegangan keluarga bendahara Pahang, khususnya dalam masa pemerintahan Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali (1847-1863) yang waktu itu menjadi bendahara kepada Sultan Mahmud Muzaffar Syah di Lingga (1841-57), yakni apabila kuasanya digugah oleh adindanya Che Wan Ahmad (putera Tun Ali, berlainan ibu), bermula sejurus kemangkatan Tun Ali yang telahpun bersara dan menyerahkan kuasa pemerintahan kepada Tun Mutahir semenjak tahun 1847 lagi.

Kemuncaknya adalah peristiwa Perang Saudara atau Perang Bendahara Pahang diantara Che Wan Ahmad dengan keluarga Tun Mutahir, yang tercetus pada tahun 1857-1863, merupakan suatu musibah, fitnah serta tragedi besar yang menyebabkan berlakunya perpecahan yang hebat bukan sahaja di kalangan keluarga bendahara Pahang sendiri, malahan melibatkan perpecahan di kalangan alim ulama, para pembesar dan rakyat jelata. Ramai yang menjadi mangsa korban harta dan nyawa, hatta Tun Mutahir dan anakndanya sendiri iaitu Tun Koris telah meninggal dunia semasa mengundur diri mereka ke Johor, akibat daripada peperangan yang dahsyat selama hampir 6 tahun itu.

Setelah mengalahkan Tun Mutahir, Che Wan Ahmad kemudian menjadi Sultan Pahang Moden yang pertama, bergelar Sultan Ahmad al-Muadzam Shah I, memerintah dari tahun 1882-1914 Masihi.

Semenjak kekalahan BSM Tun Mutahir dalam peristiwa Perang Bendahara Pahang pada tahun 1863, ramai dari kalangan keluarga, kerabat dan sekutu yang berpihak kepadanya terpaksa lari meninggalkan bumi Pahang. Walaupun wujud beberapa cubaan untuk mengambil kembali hak yang dirampas, namun ianya gagal disebabkan tercetusnya rantaian perang saudara yang berlaku di tanah air natijah daripada dasar dan campurtangan British yang mengamalkan sistem 'pecah-pecah perintah', kebetulan kuasa British merupakan suatu empayar dunia yang hebat pada masa itu sehingga ramai keluarga bangsawan tanah air menjadi mangsa caturan politiknya.

Rentetan daripadanya, zuriat Tun Mutahir ramai yang terus membuang identiti keluarga dan melenyapkan diri bersembunyi di mana-mana kerana bimbang diburu dan dibunuh, sementelah timbul berbagai fitnah yang dilemparkan kepada Tun Mutahir dan kaum keluarganya sebagai pihak yang ditewaskan dalam peristiwa perang Pahang tersebut, termasuk perang saraf untuk tempuh lebih seratus tahun lamanya.

Bagaimanapun semenjak tahun 2001 Masihi, wujud ikhtiar dari kalangan zuriat Tun Mutahir yang tampil dengan hasrat menjernihkan kembali nama leluhur mereka ini yang teruk difitnah dalam buku-buku sejarah arus perdana yang menceritakan tentang sejarah perang saudara di Pahang itu. Antara inisiatif yang dibuat adalah menghimpunkan kembali zuriat Tun Mutahir, menyelidiki dan menyusun salasilah dan fakta sejarah, serta membukukan peristiwa Perang Bendahara Pahang dari berbagai sumber muktabar, membuat laman web yang berkaitan¹ bagi memudahkan sesiapa yang berminat untuk mendapatkan fakta sejarah Tun Mutahir yang lebih seimbang.

Mutakhir ini wujud desakan terhadap keperluan menghimpun kembali waris dan kerabat keluarga Bendahara Pahang untuk bersilaturrahim, berkongsi maklumat sejarah dan perkembangan salasilah keluarga yang berpecah belah akibat tragedi perang di Pahang itu, serta membuat perbincangan tentang langkah-langkah susulan yang seharusnya dibuat sebagai mengambil menafaat daripada inisiatif ini **untuk membantu dalam tanggungjawab berkhidmat kepada agama, raja, bangsa dan watan sebagaimana resamnya amanah leluhur bendahara semenjak zaman berzaman.**

Maka tercetus ide untuk melaksanakan Majlis Tahlil Keluarga BSR Tun Ali ibni Tun Qorish: **“Ziarah Silaturrahim Klg & Kerabat Bendahara Pahang”** sebagai langkah mentalikan serta menyambung kembali silaturrahim kaum keluarga dan kerabat bendahara Pahang

¹ Google Laman Web: Khazanah Bendahara Seri Maharaja

2.0 TUJUAN

- 2.1 Menghimpun, meraikan serta memautkan kembali hubungan silaturrahim & kekeluargaan kaum kerabat keluarga bendahara Pahang, khususnya daripada jurai BSR Tun Ali ibni Tun Qorish.
- 2.2 Mengadakan majlis tahlil untuk keluarga besar bendahara Pahang, khususnya jurai BSR Tun Ali ibni Tun Qorish.
- 2.3 Berkongsi penemuan-penemuan baru dalam menjejak keturunan kaum kerabat Bendahara Pahang yang ramai telah kehilangan identiti, jatidiri serta pengetahuan tentang sejarah leluhur mereka natijah daripada tragedi perang saudara di Pahang itu.
- 2.4 Memberikan kesedaran tentang fungsi dan peranan leluhur (Institusi Bendahara) dalam konteks memelihara dan melaksanakan amanah agama, raja, bangsa dan watan yang diterajui secara sambung-menyambung semenjak beratus-ratus tahun yang silam. Ianya dengan maksud amanah tersebut dapat terus dipikul dengan niat mendapatkan keredhaan Allah swt serta sumber kebanggaan leluhur di Hari Akhirat nanti

3.0 TARIKH

Sabtu & Ahad 12-13hb Mei 2018

4.0 LOKASI

Makam Kampung Marhum, Pahang

Pulau Gancong, Pahang

5.0 SASARAN

Keluarga dan kerabat bendahara Pahang khususnya daripada jurai BSR Tun Ali ibni Tun Qorish

6.0 ATURCARA

12 MEI 2018 (SABTU)	
Masa	Aturcara
03.00 ptg	<ul style="list-style-type: none">- Bacaan Yasiin & Tahlil- Doa Selamat
03.30 ptg	<ul style="list-style-type: none">- Kata-kata Aluan Tuan Rumah- Ucapan Tetamu Khas: YM Tunku Iskandar Dzulkarnain sebagai mewakili Persatuan Sejarah Pahang dan zuriat klg besar BSR Tun Ali ibni Tun Qorish- Ucapan Tun Suzana Tun Hj Othman mewakili zuriat BSM Tun Mutahir Tun Ali merangkap Pengerusi Pertubuhan Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI)- Minum Petang & Silaturrahim
06.30 ptg	<ul style="list-style-type: none">- Majlis ditangguhkan
13 MEI 2018 (AHAD)	
10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none">- Menjejak Sejarah: Pulau Gancong & Lamir
01.00 tghari	<ul style="list-style-type: none">- Bacaan Doa Perpisahan Majlis bersurai

7.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Akan ditetapkan kemudian

8.0 PENUTUP

Adalah diharapkan Majlis Tahlil keluarga BSR Tun Ali ibni Tun Qorish: “*Ziarah Silaturrahim Klg & Kerabat Bendahara Pahang*” ini bukan sahaja menjadi suatu kesempatan untuk keluarga bendahara Pahang merapatkan kembali silaturrahim keluarga yang banyak terpisah dan terputus, sekaligus mendapat pencerahan tentang sejarah dan identiti keluarga serta leluhur, khususnya dalam konteks peranan besar dan penting yang pernah dimainkan oleh leluhur keluarga bendahara Melaka, Johor dan Pahang, sambung-menyambung menjadi tempat ‘perbendaharaan segala rahsia raja’, malah lintas sejarah bangsa Melayu menyaksikan amanah tersebut dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab demi memelihara kepentingan agama, bangsa dan watan.

Dengan pencerahan dan kesedaran ini, semoga keturunan bendahara Pahang umumnya, dan khususnya jurai bendahara BSM Tun Ali ibni Tun Qorish dapat terus melaksanakan 'amanah darah daging' leluhur dari jurai keluarga dan keturunan bendahara Melaka, Johor dan Pahang, sambung menyambung dalam posisi masing-masing, kecil atau besar, membantu mendokong sama perjuangan agama, raja, bangsa dan watan sehingga menjadi asbab keredhaan Allah serta kebanggaan leluhur kita di Hari Akhirat nanti, amiin ya Robbal 'alamiin.

Disediakan oleh:

Tun Suzana Tun Hj Othman

Zuriat BSM Tun Mutahir ibni Tun Ali Tun Qorish

AHLI JAWATANKUASA MAJLIS 12-13hb MEI

Pengerusi Majlis

YM Tunku Dato' Iskandar Dzulkarnain bin Tunku Dato' Ismail

Pembaca doa dan Pembimbing Majlis Tahli:

Ustad Iqbal Hanif bin Mohd Rusydi

Koordinator Majlis:

Tun Suzana Tun Hj Othman

Canopy, kerusi meja, mikrofon dan speaker

Engku Mohd Faisal (Ku Mad) bin Engku Najmuddin

Makanan dan Minuman:

Engku Azmiah@Tok Miah

Tun Suzana Tun Hj Othman

Khidmat Kerabat & Persediaan Majlis Tahli:

Wan Johari bin Wan Mahmud

Wan Ridzuan bin Wan Othman

Ziarah Pulau Gancong:

Ungku Iskandar bin Ungku Rashid

Peserta Majlis

Tarikh: 12-13hb Mei 2018

Tempat: Pekan dan Kg Marhum

Senarai azam hadir insyaAllah:

1. YM Tunku Dato' Iskandar Dzulkarnain bin Tunku Dato' Ismail
2. Dato' Zulkeflie Hj M.Osman
3. Halimah Muzaffar
4. Safiyah Muzaffar
5. Ustad Iqbal Hanif
6. Wan Johari
7. Ku Ahmad
8. Hamzah Muzaffar
9. Engku Iskandar
10. Bonda Norhayati
11. Dato Ustad Badlishah
12. Renjer Mohd Razif
13. Wan Zainuddin bin Wan Hassan
14. Wan Ahmad Shaifuddin bin Wan Hamzah - PTP Neg Pahang
15. Aziz M.osman
16. Dato hj hadi bin sirin
17. Herman arkib negara
18. Rafidah abdullah
19. Dato hj alang teh
20. Rose sinar
21. Helmy wan omar
22. Che wan shamsul bin che wan karim
23. Engku rosenina bt engku abdul rahman
24. Tun Suzana Tun Hj Othman
25. Che wan abdul rashid bin che wan aziz
26. Che wan aziz bin wan chik osman
27. Syed anas
28. dayang juliana
29. Ungku Firdaus
30. Shahida Iskandar
31. Dan sebagainya...

Moga Allah memudahkan dan lancarkan urusan ini, amiin ya Robb

Disediakan oleh:

TSTHO